

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian ini. Menerusi bab ini, kajian akan menjelaskan tentang latar belakang masalah, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan kajian lepas dan metodologi kajian.

#### **1.2 Latar Belakang Masalah Kajian**

Masyarakat Malaysia kini mengorak langkah menuju negara maju sejajar dengan wawasan 2020. Ekonomi negara berkembang dengan pesatnya. Pembangunan kian rancak dilaksanakan. Pelbagai perancangan pula sedang giat dilakukan dan diatur bagi mencapai hasrat menjadi negara maju menjelang 2020. Namun begitu hasrat itu tidak mungkin dapat dicapai sekiranya negara tidak memiliki tenaga manusia yang berkualiti dan mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang.

Menyedari keadaan ini mantan Perdana Menteri Malaysia ke-5, Tun Abdullah Ahmad Badawi di bawah kepimpinannya telah memperkenalkan agenda membangunkan modal insan kelas pertama. Agenda ini telah dipandang serius dan dibahaskan dalam pembentangan belanjawan 2006 untuk Rancangan Malaysia Ke-9, (RMK-9).<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi( 2006) “Teras Kedua, Memperkuatkan Modal Insan” dalam *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Kuala Lumpur : Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri Putrajaya,h.249.

Kemudian ia telah menjadi isu utama negara dan masyarakat dalam usaha melahirkan generasi masyarakat Malaysia yang berkualiti dan berkebolehan. Pembangunan insan merupakan satu agenda yang dirangka oleh kerajaan untuk meningkatkan kedudukan dan mengukuhkan daya saing negara *National Competitive Ness* dengan negara-negara maju yang lain.<sup>2</sup>

Pembangunan ini berkonsepkan keseimbangan fizikal dan rohani. Fokus utama yang diberikan ialah aspek keilmuan dan intelek, elemen-elemen kerohanian dan moral serta etika. Pembangunan ini berhasrat untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai kekuatan spiritual, akhlak, intelektual, material, mampu berdikari, berdaya saing, melihat ke hadapan, inovatif, cekap menangani cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal dan damai.<sup>3</sup> Manakala dalam konteks organisasi, pembangunan ini merupakan elemen yang sangat penting dalam menentukan kejayaan atau kegagalan perjalanan hala tuju sesebuah organisasi. Tumpuan yang diberikan berkaitan dengan pembangunan insan dalam aspek mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir yang dihadapi dalam sesebuah organisasi.

Kemudiannya mengenalpasti keperluan sesebuah organiasasi dalam hal pengambilan tenaga kerja dan tahap pembangunan kerjaya kakitangan sesebuah organisasi. Di samping itu pembangunan ini juga memberikan penekanan terhadap kakitangan sesebuah organisasi mengenai aspek perubahan sikap dan mempraktikkan nilai-nilai etika dalam rutin harian yang dilakukan.

---

<sup>2</sup> Abd Rahman Bin Ahmad ( 2006 ), *Pembangunan insan Apa Dan Kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi Di Malaysia*,ed1.

Kedah: Human resources Academy, h.1.

<sup>3</sup> Abd Aziz Mohd Zin ( 30 April 2005 ), *Syarahan Perdana Peranan Dakwah Dalam Pembinaan Islam Hadhari Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, h.41.

Pembangunan sebeginilah yang dimaksudkan sebagai acuan minda kelas pertama yang ingin dibangunkan agar dapat memberikan nilai tambah identiti dalam masyarakat Malaysia. Masyarakat yang mempunyai kualiti cemerlang setaraf dengan kehendak pasaran global. Hal ini sebagaimana yang dihasratkan oleh mantan perdana menteri terdahulu, Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapannya, bahawa dalam dunia global pembangunan insan ini merupakan satu keperluan dan ia diperlukan dalam pembangunan negara untuk mencapai wawasan 2020.<sup>4</sup> Hal ini kerana pembangunan dalam sesebuah negara tidak akan berjaya tanpa mempunyai manusia yang berkualiti. Namun begitu manusia yang berkualiti itu juga mestilah mempunyai akhlak dan sahsiah yang baik. Sebagaimana yang dibuktikan dalam sejarah, apabila Rasulullah s.a.w berjaya menubuhkan negara Islam Madinah dan para sahabat generasi awal pula, berjaya membina Empayar Tamadun Islam yang begitu mengagumkan setelah kewafatan baginda. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa tarbiyah gabungan rohani dan jasmani yang dilakukan oleh baginda, cukup mantap sehingga melahirkan insan yang berkualiti.<sup>5</sup>

Hal ini amat berbeza dengan pembangunan sedia ada yang bermodelkan negara-negara barat. Pembangunan yang memberikan keutamaan kepada bentuk fizikal sehingga mengabaikan aspek kemanusiaan dan nilai-nilai murni. Disebabkan pemikiran sebeginitulah lahirnya masyarakat masa kini yang terlalu rakus mengejar keuntungan dan mementingkan kebendaan. Nilaian setiap perkara diukur dengan kacamata keuntungan material dan kepentingan individu sahaja tanpa mengambil kira nilai-nilai kemanusiaan. Ekoran ketidakseimbangan yang berlaku, masyarakat dilanda dengan pelbagai masalah dan gejala sosial.

---

<sup>4</sup> Dipetik [www.pmo.gov.my/dokumenattached/speech/files/MAPPA\\_VI.doc](http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/speech/files/MAPPA_VI.doc) ucapan, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Keenam (MAPPA VI) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), 20 Januari 2005, capaian pada 04 October 2010 Jam 10.53 pagi.

<sup>5</sup> Ahmad Shalaby (1966), *Masyarakat Islam*. Muchtar Jahja (terj.). Pustaka Nasional Pte Ltd, Singapura, h.11.

Syed Qutb mengatakan, setiap individu yang diciptakan oleh Allah s.w.t itu mempunyai aset dan nilai yang tinggi dalam masyarakat. Aset yang dimaksudkan itu ialah keimanan. Sekiranya dasar keimanan yang tulen itu dapat bertapak kukuh di sudut jiwa seseorang manusia. Maka dengan sendirinya iman tersebut akan menumbuhkan pula berbagai-bagai dahan dan ranting sifat-sifat utama yang terpuji seperti iffah, yakni dapat mengendalikan diri. Apabila seseorang manusia telah dapat mengendalikan diri sendiri dengan baik, sudah pastilah masyarakat menjadi aman dan sejahtera. Namun begitu sekiranya aset itu gagal dibangunkan, masyarakat akan hidup dalam keadaan huru-hara dan tidak tenteram serta jiwa mereka sentiasa dilanda masalah.<sup>6</sup> Oleh itu menjadi kewajipan setiap manusia untuk berusaha memantapkan akidah dan akhlak masing-masing bagi memperolehi keimanan yang jitu dalam jiwa mereka.

Begitu juga dalam sesebuah organisasi, untuk melahirkan sesebuah organisasi yang berjaya, pembangunan manusianya harus diutamakan. Apabila keseimbangan telah dilakukan dalam pembangunan manusia, sudah tentulah anggota bagi sesebuah organisasi itu dapat menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan sebaik-baiknya. Begitulah pentingnya peranan insan dalam membawa hala tuju kejayaan sesebuah negara. Oleh itu kajian berpendapat bahawa agenda pembangunan insan ini wajar diberikan penekanan serius oleh jabatan-jabatan kerajaan termasuklah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.

---

<sup>6</sup> Sayyid Qutb (1985), *Jalan Pembebasan Rintisan Islam Menuju Perdamaian Dunia*. Drs. Bedril Saleh (terj.).  
Sagan Yogyakarta : Shalahuddin Press Lembaga Pengembangan informasi Da'wah Islam Jl. Chandrikirana 23,h. 34.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Manusia adalah insan yang menjadi nadi penggerak utama dalam pembangunan negara mahupun sesebuah organisasi. Di samping itu mereka juga telah dilantik sebagai khalifah Allah untuk memakmurkan bumi dan membina masyarakat. Namun sebahagiannya berjaya dan sebahagiannya gagal dalam melaksanakan amanah tersebut. Faktor yang menentukan kejayaan dan kegagalan mereka itu bergantung sepenuhnya dengan proses pembangunan keinsanan yang ada di dalam diri mereka itu dibangunkan. Sekiranya ia dibangunkan mengikut fitrah keperluan seseorang manusia, pastinya mereka akan menjadi insan yang berkualiti kepada agama bangsa dan negara. Kewujudan mereka itu akan menjadikan sesebuah negara menjadi makmur dan maju. Manakala dalam sesebuah organisasi pula, kehadiran mereka ini akan menjadikan segala perancangan dan pengurusan dapat dijalankan dengan cemerlang.

Namun jika sebaliknya yang berlaku, kehadiran manusia yang tidak berkualiti ini, bukan sahaja merosakkan alam ini. Malahan ia akan memberikan impak yang negatif dalam proses pembangunan sesebuah negara dan merencatkan segala perjalanan serta hala tuju sesebuah organisasi. Keadaaan ini jelas membuktikan bahawa pembangunan insan itu satu perkara penting dan perlu diseiringkan dalam proses pembangunan sesebuah negara serta organisasi untuk jangkamasa panjang. Hal ini kerana secanggih mana sekalipun kehebatan teknologi dan infrastruktur yang dimiliki oleh sesebuah negara, belum tentu dapat menjanjikan kemakmuran jika ia tidak disertai dengan pembangunan insan yang sempurna.

Justeru menyedari keadaan itu, Kerajaan Negeri Terengganu telah mengambil tindakan proaktif dalam menjayakan program pembangunan insan. Hal ini dibuktikan melalui usaha yang dilaksanakan untuk melahirkan Generasi Ulul al-Albab<sup>7</sup> dalam agenda “memahat sejarah membina tamadun” yang telah dilakukan oleh mantan Menteri Besar Terengganu, Dato’ Seri Idris Jusoh. Hal ini merupakan satu usaha yang dilakukan bagi melahirkan insan yang berkualiti untuk menerajui pucuk pentadbiran Negeri Terengganu pada masa akan datang. Kemudiannya ia diperkasakan lagi oleh Menteri Besar sekarang Dato’Seri Ahmad Said.

Perlaksanaannya dilakukan di peringkat akar umbi dan meliputi semua tahap sama ada di sekolah, institut pengajian tinggi dan organisasi kerajaan mahupun swasta. Lebih-lebih lagi terhadap Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) yang merupakan sebuah badan yang diamanahkan dalam mengendalikan pembangunan kerohanian masyarakat. Tambahan pula dengan pengaruh JHEAT yang begitu kuat dalam masyarakat Terengganu pasti ia dapat memudahkan lagi perlaksanaan program pembangunan insan ini untuk melahirkan insan berkualiti.

Disebabkan itulah, kajian dilakukan di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, kerana pengkaji berpendapat JHEAT sebagai badan yang bertanggungjawab dalam pembangunan kerohanian, pastinya JHEAT mempunyai kaedah tersendiri untuk melatih kakitangannya untuk melahirkan insan yang berkualiti.

---

<sup>7</sup> Dipetik daripada Laman web [http://www.silveromedia.com.my/idrisjusoh/?page\\_id=600](http://www.silveromedia.com.my/idrisjusoh/?page_id=600) capaian pada 23 Sept 2010 Jam 5.34 pagi.

Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti apakah bentuk program pembangunan insan yang dilaksanakan oleh JHEAT? Mengenalpasti bagaimanakah sambutan kakitangan terhadap program pembangunan insan? Mengenalpasti apakah masalah dan penyelesaian JHEAT dalam melaksanakan program-program tersebut?

#### **1.4 Objektif Kajian Untuk :**

- i. Mengenal pasti program pembangunan insan yang dilaksanakan oleh JHEAT terhadap kakitangannya.
- ii. Mengenal pasti sambutan kakitangan JHEAT terhadap program pembangunan insan yang dilaksanakan.
- iii. Mengenal pasti masalah dan penyelesaian JHEAT dalam melaksanakan program pembangunan insan.

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

- i. Hasil dapatan kajian ini boleh membantu JHEAT dalam menilai bentuk program pembangunan insan yang dilaksanakan. Di samping dapat mengenal pasti permasalahan bagi memudahkan lagi tindakan susulan dilakukan dalam usaha melahirkan modal insan yang berkualiti dalam organisasi mereka.

- ii. Hasil dapatan kajian ini berupaya memberikan maklumat mengenai program yang boleh dilakukan terhadap jabatan-jabatan agama di Malaysia dalam usaha melahirkan modal insan yang berkualiti.
- iii. Hasil dapatan ini mampu menyedarkan masyarakat bahawa pentingnya pembangunan insan dalam pembangunan negara. Secara tidak langsung, ia dapat menyedarkan masyarakat agar memberikan kerjasama yang terbaik dalam melaksanakan konsep ini dalam masyarakat Malaysia.

## **1.6 Skop Kajian**

Kajian yang dijalankan ini hanyalah terbatas kepada kakitangan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu ( JHEAT ) yang terletak di Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman Kuala Terengganu. Kajian ini dilakukan sejak 2007 hingga 2010. Kajian ini memberikan tumpuan kepada tiga aspek utama iaitu aspek program pembangunan insan yang dilaksanakan, masalah yang dihadapi dalam perlaksanaan program dan bagaimana penyelesaian JHEAT dalam masalah yang dihadapi. Mengenai aspek program yang dilaksanakan ia merujuk kepada apa jua program dan pendekatan yang dilakukan oleh JHEAT terhadap kakitanganya dalam usaha melahirkan insan yang berkualiti. Manakala aspek berkaitan dengan masalah yang dihadapi pula ia merujuk kepada apa jua bentuk permasalahan yang dialami oleh pihak JHEAT dalam melaksanakan program tersebut. Dalam aspek penyelesaian pula ia merujuk kepada cara JHEAT mengatasi setiap permasalahan yang di alami semasa melaksanakan program itu.

## **1.7 Sorotan Kajian Lepas**

Sorotan kajian lepas merupakan tinjauan kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kajian-kajian lepas sama ada dalam bentuk bertulis seperti kertas kerja seminar atau persidangan, buku, jurnal, latihan ilmiah, disertasi ataupun tesis mengenai tajuk yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan pengkaji. Berdasarkan kepada hasil tinjauan literature pengkaji, belum terdapat lagi kajian mengenai pembangunan insan terhadap kakitangan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu ( JHEAT ). Namun begitu terdapat beberapa hasil penulisan kajian yang berkaitan dengan pembangunan insan. Antaranya ialah kajian yang dibuat oleh Amini Amir Abdullah (2006), Nurul Himmah binti Kassan dan Rafeah Saidon (2006), Ratna Roshida Abd Razak (2006) dan Fadzli Adam et al (2006).

Kajian yang telah dilakukan oleh Amini Amir Abdullah ( 2006 ) ialah tentang “ *Pembangunan Dan Kemajuan Modal Insan Dalam Rancangan Malaysia Ke-9* ”. Kajian tertumpu terhadap pembangunan dan kemajuan modal insan yang ingin dibentuk melalui RMK-9. Oleh itu, terdapat beberapa keperluan yang diperlukan untuk pembangunan dan kemajuan dalam RMK-9, iaitu keperluan modal insan berkualiti yang sangat berharga kepada negara kerana modal insan adalah aset penggerak negara melalui jati diri dan kemampuan menghadapi cabaran semasa. Pendekatan holistik memainkan peranan penting dan berlandaskan ilmu pengetahuan melalui medium pendidikan latihan dan keusahawanan untuk melahirkan modal insan kelas pertama seperti yang ditegaskan oleh Perdana Menteri Malaysia kelima.<sup>8</sup>

---

<sup>8</sup> Amini Abdullah (2006) “Pembangunan Dan Kemajuan Modal Insan Dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) satu penelitian”. (Kertas Kerja Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan insan Peringkat Kebangsaan, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya),h.131.

Manakala Fadzil Adam et al (2006) dalam kertas kerjanya yang bertajuk, “*Memperkasakan modal insan : Antara Peranan dan cabaran*”, telah membincangkan tentang komponen utama dalam memperkasakan modal insan berdasarkan dua aspek iaitu mental dan spiritual, iaitu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan seperti kemahiran , berfikiran inovatif dan sentiasa kehadapan dalam aspek mental. Manakala spiritual ialah keimanan, kekeikhlasan dan ihsan sebagai bekalan mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran dalam era globalisasi. Antara cabaran tersebut ialah masalah jenayah kolar putih (rasuah), modal insan yang mempunyai keperibadian unggul ( *towering personality* ) kerapuhan institusi kekeluargaan, pembangunan fizikal yang tidak sihat seperti pembalakan secara besar-besaran yang menyebabkan masalah terhadap ekosistem serta pengangguran di kalangan siswazah kerajaan memainkan peranan penting untuk pembangunan insan contohnya dalam aspek kerohanian melalui gagasan Islam Hadhari. Bahkan seluruh warga negara perlu mengambil peranan dalam memperkasakan modal insan.<sup>9</sup>

Manakala Nurul Himmah (2006) dalam kertas kerjanya yang dibentangkan di Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan insan, berjudul “*Akhlik Sebagai Pemangkin Membangunkan Modal Insan Yang Berkualiti Dalam Masyarakat Plural,*” telah mengupas mengenai aspek akhlak. Menurut beliau, Islam menekankan akhlak yang baik seperti adil, penyayang, sabar, menghormati tetamu, bertanggungjawab kepada manusia dan alam sekeliling, berbudi pekerti baik tanpa mengenai agama dan bangsa. Kesemuanya sifat baik ini menjadi topik perbincangan penting dalam kajian ini. Secara tidak langsung sifat-sifat ini menjadi pemangkin kepada pembangunan insan yang berkualiti.

---

<sup>9</sup> Fadzil Adam et al (2006), “Memperkasakan Modal Insan: Antara Peranan Dan Cabaran”(Kertas Kerja Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan insan Peringkat Kebangsaan, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h.373.

Malah ia turut menjadi penggerak utama kepada kemajuan dalam pembinaan peradaban tamadun sesuatu agama, bangsa dan negara. Pembangunan insan ini juga penting dalam masyarakat plural yakni masyarakat majmuk sebagai pembentukan diri dan jiwa generasi kini dan seterusnya. Selain itu sikap-sikap tersebut mewujudkan keadilan dalam masyarakat majmuk tanpa mengira agama dan bangsa untuk memelihara kemakmuran, masalah rasuah, diskriminasi dalam aspek ekonomi, politik dan sosial.<sup>10</sup>

Seterusnya kertas seminar yang ditulis oleh Dr Ratna Roshida Abd Razak, yang berjudul “*Modal Insan : Aset Utama Pembentukan Tamadun Bangsa.*” Kajian ini menyentuh modal insan sebagai aset utama kepada pembinaan tamadun kerana manusia lah yang mengerakkan, memanfaatkan dan membentuk sistem dalam sesebuah organisasi. Pendekatan melalui unsur rohani dan jasmani sebagai tunjang kepada tamadun yang harmonis. Sejarah telah membuktikan bahawa ilmu pengetahuan adalah asas kepada kejayaan sesebuah tamadun yang diasaskan oleh ilmu agama. Kecintaan terhadap ilmu ukhrawi dan duniawi telah melahirkan tokoh-tokoh besar seperti Ibnu Sina, Ibnu Rusydi, al-Khindi, al-Khawarizmi dan sebagainya. Dalam konteks penjanaan modal insan perkara utama yang perlu dimanfaatkan adalah diri sendiri. Hal ini kerana manusia telah dikurniakan akal sebagai aset penting bersama dengan potensi diri.<sup>11</sup>

---

<sup>10</sup> Nurul Himmah bt Kassan (2006), “ Akhlak Sebagai Pemangkin Membangunkan Modal Insan Yang Berkualiti Dalam Masyarakat Plural”(Kertas Kerja Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan insan Peringkat Kebangsaan, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h.195.

<sup>11</sup> Ratna Roshida Abd Razak (2006), “Modal Insan : Aset Utama Pembentukan Tamadun Bangsa”(Kertas Kerja Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan insan Peringkat Kebangsaan, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya),h.171.

Dalam pada itu, pengkaji mendapati beberapa kajian mengenai JHEAT turut dijalankan. Walaupun kajiannya berlainan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, namun kajian-kajian ini serba-sedikit menyentuh mengenai peranan yang dimainkan oleh JHEAT dan kakitangannya sebagai sebuah organisasi kerajaan yang komited dengan tanggungjawabnya yang telah diamanahkan khususnya bagi Negeri Terengganu.

Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh pelajar Universiti Malaya pada tahun ( 2005 ) yang berjudul “*Kefahaman Islam Hadhari Di Kalangan Kakitangan JHEAT*” kajian yang dijalankan oleh Fatimah Alwayiah Binti Mohamad bagi melengkapkan latihan ilmiahnya memfokuskan kepada usaha yang dilakukan oleh JHEAT dalam memberikan kefahaman mengenai Islam Hadhari terhadap kakitangannya. Dapatkan kajian ini, membuktikan bahawa JHEAT adalah sebuah organisasi yang sentiasa mengikuti perkembangan dan menyahut agenda yang dilaksanakan oleh kerajaan.<sup>12</sup>

Malah terdapat juga kajian yang dijalankan oleh pelajar Universiti Malaya pada tahun 2004 yang berjudul “*Perkhidmatan Islam Di Hospital, Bahagian Dakwah Di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu*” oleh Yanti Binti Abdul Ghani. Kajian yang dijalankan ini menyentuh tentang perkhidmatan Islam di hospital yang disediakan oleh bahagian dakwah di JHEAT. Berdasarkan hasil kajian ini, pengkaji mendapati kesungguhan JHEAT dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab sosial untuk mendidik masyarakat dan pesakit mengenai tanggungjawab melaksanakan perintah agama walaupun semasa dalam keadaaan sakit.<sup>13</sup>

---

<sup>12</sup> Fatimah Alawiah Binti Mohamad (2004/05), “Kefahaman Islam Hadhari Di Kalangan Kakitangan JHEAT” ( Latihan Ilmiah Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam universiti Malaya).

<sup>13</sup> Yanti Binti Abdul Ghani (2003/04) “Perkhidmatan Islam Di Hospital, Bahagian Dakwah Di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu” (Latihan Ilmiah Jabatan Dakwah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Begitu juga dengan satu lagi kajian yang dijalankan oleh pelajar Universiti Malaya pada tahun “*Penilaian tentang keberkesanan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu Dalam Menangani Masalah Ajaran Salah*” hasil kajian oleh Zubaikah Muda ( Disertasi Usuluddin Universiti Malaya, 2003 ). Kajian ini menyentuh peranan JHEAT dalam membasmi masalah ajaran sesat, khususnya mengenai ajaran sesat “Ayah Pin”. Kajian ini jelas menunjukan bahawa JHEAT merupakan sebuah organisasi yang bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugasnya untuk membasmi masalah ajaran sesat di Negeri Terengganu apabila berjaya melumpuhkan segala aktiviti-aktiviti ajaran yang wujud di Terengganu.<sup>14</sup> Hasil daripada kajian ini membuktikan bahawa JHEAT sentiasa komited dengan tanggungjawab yang diamanah oleh masyarakat kepadanya.

## 1.8 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Dalam penyelidikan ilmiah, metodologi merupakan mekanisme penting kepada seseorang penyelidik untuk merancang dan merangka kajian supaya tidak tergelincir daripada disiplin penyelidikan. Hal ini penting kerana tanpa metodologi yang tepat, sesuatu penyelidikan itu tidak dapat dilakukan dengan sempurna dan hasil yang diperolehi mungkin akan diragui. Justeru seseorang penyelidik mahupun pengkaji seharusnya dapat memahami dan mengetahui kaedah penyelidikan yang sesuai untuk digunakan dalam proses kajian yang dilakukan. Hal ini supaya data-data yang diperolehi itu nanti, bertepatan dengan kajian penyelidik dan dapat dianalisa dengan baik serta dapat memberikan hasil kajian yang tepat dan sempurna.

---

<sup>14</sup> Zubaikah Muda (2003), “Penilaian Tentang Keberkesanan JHEAT Dalam Menangani Masalah Ajaran Salah” (Disertasi Sarjana, Jabatan Akidah Usuluddin Universiti Malaya).

Menurut *Kamus Dewan* metodologi merupakan suatu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.<sup>15</sup> Manakala Kaplan pula menyatakan bahawa metodologi dirujuk sebagai satu kaedah saintifik yang digunakan oleh seseorang pengkaji untuk menghuraikan pendekatan dan kaedah yang diambil bagi memberikan kefahaman terhadap proses penyelidikan yang dilaksanakan.<sup>16</sup>

Bagi Jerry Wellington, metodologi adalah satu aktiviti atau pemilihan untuk membuat refleksi, menilai dan mengjustifikasi sesuatu kaedah kajian yang digunakan. Mengikut beliau, justifikasi kaedah penyelidikan adalah tindakan yang penting dalam persediaan melakukan laporan atau tesis penyelidikan. Hal ini kerana dalam laporan dan tesis penyelidikan itu harus mengandungi justifikasi keputusan atau hadil dapatan daripada kaedah penyelidikan. Oleh itu sesuatu kajian tidak mungkin dapat dinilai dan ditentukan nilai kegunaannya tanpa memahami dan mengetahui metodologi kajian tersebut.<sup>17</sup>

Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar, metodologi adalah merujuk kepada tatacara melaksanakan kajian. Prosesnya berkisar daripada peringkat awal dengan perbincangan yang berkaitan dengan masalah kajian, iaitu apa yang ingin dikaji. Kemudian ia merujuk atau menerangkan bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan dengan meliputi beberapa aspek yang terdiri daripada reka bentuk kajian, populasi, sampel dan tempat, instrumentasi, analisis data dan kalendar kajian.<sup>18</sup>

---

<sup>15</sup> Hajah Noresh Hj Baharom (2007), *Kamus Dewan*, c.4. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.1030.

<sup>16</sup> Mook Soon Sang (2009) *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Selangor : Multimedia Sdn Bhd, h.22.

<sup>17</sup> *Ibid*; h. 22.

<sup>18</sup> Mohd Najib Abdul Ghafar (2003), *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia, h.98.

Menurut Kenneth D. Bailey metodologi ialah falsafah proses penyelidikan. Ini termasuklah andaian-andaian dan nilai-nilai yang menjadi dasar alasan penyelidikan dan ukuran ataupun criteria yang digunakan oleh penyelidik untuk mentafsirkan data dan membuat kesimpulan. Metodologi yang digunakan oleh penyelidik menentukan faktor-faktor seperti mengemukakan hipotesis dan apakah jenis bukti yang diperlukan untuk membuat keputusan sama ada menerima ataupun menolak sesuatu hipotesis<sup>19</sup>

Berpandukan kepada huraian dan penerangan di atas, dapatlah difahami bahawa metodologi dalam penyelidikan ini ialah kaedah-kaedah yang digunakan untuk menganalisa data data penyelidikan, menghuraikan kekurangan dan sumber-sumbernya. Di samping menjelaskan andaian dan akibatnya dalam menghubungkaitkan dengan potentialitinya dengan ilmu-ilmu yang tidak ketara dalam tema kajian. Metodologi juga dianggap sebagai satu cara untuk pengkaji mahupun penulis mendapatkan sumber yang lebih berautoriti dan tepat. Oleh itu untuk menjalankan proses kajian yang berkesan, kaedah-kaedah penyelidikan yang dipilih hendaklah terlebih dahulu diuji, dinilai dan ditelitian sebagaimana tindakan yang diambil semasa membentuk hipotesis kajian. Manakala metodologi kajian pula dapat difahami sebagai satu kaedah atau teknik penyelidikan yang digunakan bagi mengumpul data. Ia termasuklah andaian-andaian dan nilai-nilai yang menjadi dasar untuk digunakan oleh penyelidik bagi mentafsir data dan membuat kesimpulan.

---

<sup>19</sup> Kenneth D. Bailey (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka,h.46-47.

### **1 .8.1 Metod Pengumpulan Data**

Sebagaimana yang telah dinyatakan tadi sebelum sesuatu kajian dilakukan, pengumpulan data harus dilakukan terlebih dahulu. Hal ini untuk memudahkan dan mempastikan bahawa pengkaji mendapat bahan dan data-data serta maklumat-maklumat yang tepat dan berkaitan dalam menyiapkan kajian. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji ialah kajian yang berbentuk kualitatif dan ia melibatkan kajian lapangan dan perpustakaan. Penyelidikan Kualitatif sering dikaitakan dengan kerja lapangan. Wax (1971) ( dalam Taylor & Bogdan, 1998) telah menjelaskan asal-usul kerja lapangan yang boleh dilihat melalui kerja-kerja ahli sejarah, pengembara-pengembara dan penulis-penulis sejak dari Herodotus (Greek ) hingga Ke Marco Polo.<sup>20</sup>

#### **a) Kajian Penyelidikan Perpustakaan**

Dalam proses melakukan kajian perpustakaan dan mendapatkan data-data mahupun maklumat yang relevan dengan kajian. Pengkaji telah membuat rujukan di beberapa perpustakaan seperti berikut:

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Za’ba Universiti Malaya.
3. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
4. Perpustakaan Negara Malaysia.
5. Perpustakaan Awam Negeri Terengganu.

---

<sup>20</sup> Othman Lebar (2006), *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Perak : Universiti Perguruan Sultan Idris,h.2.

Segala maklumat yang diperolehi adalah merujuk kepada bahan-bahan seperti buku, artikel-artikel dalam jurnal, majalah, kertas kerja persidangan, surat khabar dan latihan ilmiah yang berkaitan. Di samping itu dalam melakukan proses kajian di perpustakaan juga pengkaji telah menggunakan beberapa metod yang bersesuaian dengan kajian pengkaji. Antaranya ialah metod historis dan metod dokumentasi.

#### • Metod Historis

Metod Historis membawa maksud satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian.<sup>21</sup> Pengkaji telah menggunakan metod ini untuk mendapatkan data maklumat mengenai sejarah asal-usul kewujudan JHEAT sebagai jabatan agama Terengganu. Selain itu juga pengkaji menggunakan metod ini bagi mendapat data-data yang tepat tentang sejarah penubuhan dan latar belakang peranan JHEAT dalam masyarakat Terengganu. Bahannya terdiri daripada buku laporan tahunan, majalah-majalah dan bahan-bahan yang terdapat di dalam laman sesawang JHEAT. Maklumat yang diperolehi dalam metod ini telah digunakan dalam bab tiga 3 kajian pengkaji.

#### • Metod Dokumentasi

Metod Dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah kajian. Dokumen ini termasuklah kumpulan buku-buku majalah, laporan jabatan/lembaga, rekod-rekod jabatan, kertas-kertas

<sup>21</sup> Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta :Yayasan Penerbitan FIP- IKIP,h.52.

seminar, mikrofilem, alat-alat penyiaran akhbar dan lain-lain. Kebanyakan sumber ini diperolehi di perpustakaan.<sup>22</sup> Dalam kajian ini, pengkaji telah mendapatkan maklumat melalui kertas-kertas kerja, minit mesyuarat atau seminar yang telah dilakukan oleh JHEAT. Begitu juga kertas-kertas kerja persidangan, latihan ilmiah, disertasi sarjana yang telah diperolehi oleh pengkaji melalui perpustakaan yang telah disenaraikan.

### **b) Kajian Penyelidikan Lapangan**

Manakala dalam penyelidikan lapangan, pengkaji telah menggunakan beberapa metod untuk mendapatkan maklumat dan data-data dengan lebih terperinci. Pengkaji telah menggunakan metod temubual, metod pemerhatian (observasi).

#### **• Metod Wawancara atau Temubual**

Metod Wawancara merupakan salah satu cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada seseorang responden dengan cara bercakap secara bersemuka dengannya. Semasa sesi temubual diadakan, pengkaji telah menjalankan temubual secara separa formal dan tidak formal. Temujanji waktu dan tarikh ditetapkan agar temu bual itu dapat dilakukan dengan keadaan yang pihak JHEAT bersedia untuk ditemubual. Bagi tujuan tersebut, pengkaji telah menemubual pegawai-pegawai JHEAT. Ia terdiri daripada dua Penolong Pesuruhjaya Unit Pembangunan Sumber Manusia JHEAT, Ketua Pembantu Tadbir Bahagian Undang-undang Keluarga JHEAT, Pegawai Bahagian Pendidikan JHEAT, Pegawai Teknologi Maklumat JHEAT, Ketua Pembantu Hal Ehwal

---

<sup>22</sup> Kamaruddin Ngah et al.(1990), *Kaedah Penyelidikan Panduan Mudah Kerja Luar*, Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn Bhd,h.18-19.

Islam (unit penerbitan) Bahagian Dakwah JHEAT, Ketua Pembantu Tadbir, Unit Pengurusan Masjid JHEAT, Pembantu Tadbir Bahagian Dakwah JHEAT, Pembantu Pentadbiran (unit pembangunan sumber manusia) JHEAT.

Sepanjang sidang temubual dilakukan, pengkaji telah menggunakan pendekatan yang tidak formal agar respon tidak merasa kekok dan teragak-agak dalam memberikan jawapan yang baik. Hal demikian penting kerana jawapan-jawapan yang diberikan itu akan dijadikan bahan rujukan utama dalam kajian yang sedang pengkaji jalankan. Semasa berlakunya sesi temubual itu, pengkaji merekodkan segala bahan yang diperolehi sama ada dalam bentuk penulisan mahupun rakaman suara serta pemerhatian keadaan sekeliling responden. Temubual ini telah dilakukan oleh pengkaji bagi mendapatkan data dan maklumat untuk bab tiga dan bab empat kajian pengkaji.

- **Metod Pemerhatian (observasi)**

Metod Pemerhatian ini merupakan satu cara digunakan untuk mendapat maklumat atau data secara memerhati keadaan sekeliling atau suasana setempat. Dalam kajian ini Pengkaji telah melakukan pengamatan dan tinjauan secara langsung atau pun tidak langsung terhadap keadaaan sekeliling organisasi JHEAT. Pemerhatian terhadap kakitangan JHEAT suasana berkerja, komitmen warga JHEAT dalam sesuatu keadaan. Begitu juga terhadap respon kakitangan JHEAT terhadap program-program pembangunan insan yang dijalankan. Hal ini termasuklah pengalaman pengkaji sendiri semasa mengikuti beberapa program yang dianjurkan oleh JHEAT.

## **1.8.2 Analisa Data**

Setelah pengkaji berjaya mengumpulkan semua data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian, pengkaji melakukan proses seterusnya iaitu menganalisa data-data tersebut. Bermula daripada pemilihan data, menyusun data, pengkategorian, perbandingan dan pemerhatian terhadap keseluruhan data. Antara metod yang digunakan oleh pengkaji dalam menganalisa data-data dalam kajian ini ialah metode induktif, metod deduktif dan metod komparatif.

- **Metode Induktif**

Metode ini merupakan satu proses menganalisis data-data melalui pola berfikir dan mencari pembuktian daripada perkara-perkara yang bersifat khusus kepada dalil-dalil bersifat umum. Metod ini telah digunakan untuk menarik kesimpulan dan bukti yang bersifat khusus untuk dijadikan sebagai kesimpulan yang bersifat umum. Menerusi metod ini, pengkaji telah melakukan analisa ke atas semua data-data yang diperolehi mengenai teori-teori pembangunan sama ada pembangunan dalam konteks Islam mahupun Barat dan teori pembangunan insan sama ada dalam konteks Islam mahupun Barat. Begitu juga berkaitan dengan program-program pembangunan insan. Data yang telah diperolehi itu dianalisis dan dijadikan satu kesimpulan dan panduan secara umum. Pengkaji telah menggunakan metod ini di dalam bab dua dan bab tiga dalam kajian pengkaji.

- **Metode Deduktif**

Metod ini adalah satu cara penganalisaan yang dibuat dalam bentuk umum untuk dijadikan khusus. Hal ini untuk membuat kesimpulan-kesimpulan yang bersifat khusus hasil daripada kajian terhadap data-data yang diperolehi. Melalui metod ini, pengkaji telah menganalisis kesemua data-data bagi mendapatkan kesimpulan yang akhirnya menjadi hasil utama kajian pengkaji ini. Metod ini telah digunakan dalam bab empat kajian ini.

- **Metode Komparatif**

Metod ini digunakan untuk melakukan proses kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data dan fakta yang diperolehi. Pengkaji telah menggunakan metode ini dalam menganalisa perbandingan menerusi data yang diperolehi dalam bab dua kajian dan kemudiannya memperbandingkannya antara teori yang diperolehi secara umum dengan maklumat yang diperolehi daripada JHEAT bagi menemui hasil utama kajian yang pengkaji jalankan ini.

Hasil daripada gabungan menggunakan metod-metod ini akhirnya pengkaji dapat menyiapkan analisa kajian dengan baik dan menemui hasil utama kajian sebagaimana yang dinginkan dalam objektif kajian.